

DATE: 28/12/2009

Berhubung isu waktu siasatan SPRM

Dr. M sindir Majlis Peguam

Oleh ROHANI IBRAHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 27 Dis. – Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyindir Majlis Peguam apabila menyatakan beliau berkongsi 'kekecewaan' dengan badan itu berhubung isu waktu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bekas Perdana Menteri itu menyatakan demikian berikutan reaksi kecewa badan itu terhadap keputusan

Mahkamah Rayuan yang membenarkan SPRM menjalankan siasatan selepas waktu pejabat.

Dalam entri bertajuk *Bekerja Selepas Waktu Bekerja*, Dr. Mahathir secara sinis berkata, semua pihak perlu menghormati waktu bekerja termasuk penjenayah tidak boleh melakukan jenayah selepas waktu bekerja.



“Sudah tentu polis juga tidak harus menjalankan siasatan selepas waktu bekerja. Anggota bomba juga perlu menunggu sehingga pejabat dibuka untuk memadamkan api.

“Begitu juga dengan hujung minggu dan cuti umum, tidak ada soal siasat, siasatan dan kerja-kerja memadamkan api pada hari tidak bekerja,”

katanya dalam blog chedet.co.cc hari ini.

Dr. Mahathir turut mengaitkan isu itu dengan ahli politik dan politiking.

“Bagaimana dengan ahli politik? Jadi, tidak ada politiking selepas waktu pejabat.

“Jika kita mempunyai lebih banyak cuti, maka kadar jenayah akan berkurangan memandangkan jenayah akan hanya berlaku dalam waktu bekerja,” katanya sinis.

um - 28/12/2009

Baru-baru ini Mahkamah Rayuan mengembalikan hak untuk menyoal saksi tanpa batasan masa kepada SPRM apabila membenarkan badan tersebut menjalankan siasatan melepasi waktu pejabat.

Keputusan Mahkamah Rayuan itu sekali gus mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi bulan lalu yang menetapkan SPRM hanya boleh melakukan soal siasat dalam waktu pejabat di antara pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang.